

28 AUG 1999

MAHATHIR HADIRI JAMUAN PERDANA DI SAUJANA

JOHOR BA HARU, 28 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menghadiri Jamuan Perdana sempena Kejohanan Badminton Piala Perdana di sini.

Jamuan itu yang berlangsung di Saujana, kediaman rasmi Menteri Besar Johor, turut dihadiri oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

Selepas jamuan itu, Dr Mahathir berlepas pulang ke Kuala Lumpur untuk mengakhiri lawatan kerja dua hari ke Johor.

Kejohanan Badminton Piala Perdana 1999 berlangsung di sini selama empat hari dan majlis perasmian penutup dilakukan oleh Dr Mahathir petang tadi.

Sebelum itu, Perdana Menteri telah merasmikan Makmal Teknologi Marin, melawat Makmal Einstein dan melancarkan tema Universiti Teknologi Malaysia (UTM), "Discovery University" di Skudai.

Pagi tadi, beliau menghadiri pelancaran majlis menandatangani perjanjian penswastaan Projek Pembangunan Pesisiran Tanjung Puteri. Perjanjian itu ialah antara kerajaan negeri Johor dengan Konsortium Hujung Tanah Sdn Bhd.

-- BERNAMA

MKO ZB